

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

ACW 261 - Perakaunan Sektor Awam

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (30 markah)

Dengan berpandukan **Penyata Akaun Awam** Kerajaan Malaysia di bawah ini, anda diminta menjawab soalan-soalan berikut.

LEMBARAN IMBANGAN Seperti pada 31 Disember 2002		
	2002 '000 (RM)	2001 '000 (RM)
ASET		
A. WANGTUNAI	15,410,000	12,200,000
<i>Wangtunai Dalam Tangan</i>	10,000	2,800
<i>Wangtunai Dalam Perjalanan</i>	150,000	227,200
<i>Wangtunai Dalam Bank</i>	15,250,000	11,970,000
B. PELABURAN	10,890,000	9,500,000
	<hr/>	<hr/>
	26,300,000	21,700,000
	<hr/>	<hr/>
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI:		
C. AKAUN HASIL DISATUKAN	10,200,000	10,900,000
D. AKAUN AMANAH DISATUKAN	13,300,000	7,500,000
<i>D1 Kumpulanwang Pembangunan</i>	3,000,000	1,300,000
<i>D2 Kumpulanwang Pinjaman Perumahan</i>	15,000	24,000
<i>D3 Kumpulanwang Amanah Kerajaan</i>	6,025,000	3,045,000
<i>D4 Kumpulanwang Amanah Awam</i>	1,010,000	1,001,000
<i>D5 Deposit</i>	1,350,000	1,020,000
<i>D6 Akaun Kena Bayar</i>	1,900,000	1,110,000
E. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	2,800,000	3,300,000
	<hr/>	<hr/>
	26,300,000	21,700,000
	<hr/>	<hr/>

- (a) Sebagai sebuah entiti pelaporan, konsep asas perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan kepada perakaunan dana atau kumpulan wang. Terdapat dua fasal yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu **Fasal 97** dan **Fasal 104**, mempunyai hubungkait dengan konsep perakaunan dana. Jelaskan kedua-dua fasal tersebut dengan merujuk kepada penyata Akaun Awam yang diberikan.

[5 markah]

- (b) Dalam penyata Akaun Awam yang diberikan, Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan memerlukan tiga akaun berasingan diselenggarakan. Nyatakan seksyen yang terlibat di bawah Akta Acara Kewangan (1957) danuraikan ketiga-tiga jenis akaun tersebut dan jelaskan mengapa **Akaun Hasil Disatukan** disifatkan sebagai Akaun Semasa Kerajaan Persekutuan [10 markah]
- (c) Dengan merujuk kepada **Penyata Akaun Awam** di atas, sila nyatakan dengan jelas kenyataan di bawah:
- (i) Jumlah aset bagi tahun 2002 sebanyak RM 26.3 bilion adalah dalam bentuk wang tunai dan pelaburan. Mengapakah aset lain, seperti bangunan dan jentera tidak dilaporkan dalam **Akaun Awam**. [3 markah]
- (ii) Baki **Akaun Deposit** bagi tahun 2002 adalah RM1.35 bilion. Adakah baki ini merupakan liabiliti Kerajaan Malaysia? [3 markah]
- (iii) Baki **Tunai Dalam Perjalanan** menunjukkan sebanyak RM150 juta dalam tahun 2002. Apakah yang anda faham dengan istilah **Tunai Dalam Perjalanan**? [3 markah]
- (iv) **Kumpulanwang Pembangunan** yang ditubuhkan oleh Akta Kumpulanwang Pembangunan 1965, diakaunkan dalam Akaun Amanah (Penyata D1) dalam Lembaran Imbangan. Terimaan Kumpulanwang ini kebanyakannya terdiri dari pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan caruman dari Akaun Hasil dan penerimaan bayaranbalik pinjaman. Apakah syarat-syarat yang membolehkan caruman dibuat dari **Akaun Hasil Disatukan** dan juga **Akaun Pinjaman Disatukan** ke dalam **Akaun Kumpulanwang Pembangunan**. [6 markah]

Soalan 2 (22 markah)

- (a) Menurut Fasal 99(1) Perlembagaan Persekutuan kerajaan hendaklah bagi setiap tahun kewangan membentangkan di Parlimen satu anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi Kerajaan Persekutuan. Selain dari keperluan undang-undang, apakah matlamat belanjawan Kerajaan Malaysia? [3 markah]
- (b) Dalam mencapai matlamat di atas, bincangkan beberapa fungsi belanjawan Kerajaan Malaysia. [5 markah]

- (c) Apakah yang anda faham dengan **Sistem Belanjawan Program dan Prestasi** (SBPP) danuraikan ciri-ciri SBPP.

[6 markah]

- (d) Dalam usaha memperkemaskan lagi sistem belanjawan Kerajaan Persekutuan, Perbendaharaan Malaysia telah memperkenalkan pula **Sistem Belanjawan Ubahsuai** (SBU) untuk menggantikan SBPP. Jelaskan dua konsep penting yang diperkenalkan dalam SBU dan apakah pentingnya perjanjian program?

[8 markah]

Soalan 3 (16 markah)

- (a) Seksyen 5(1), Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan), 1980, memperuntukkan bahawa setiap badan berkanun hendaklah menyimpan akaunnya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum dan hendaklah menyediakan penyata akaun pada setiap akhir tahun kewangan. Nyatakan **asas perakaunan** yang perlu dipatuhi oleh Badan-badan Berkanun berpandukan Seksyen 5(1) ini dan bilakah **hasil** dan **perbelanjaan** sesuatu badan berkanun boleh diiktiraf?

[6 markah]

- (b) Nyatakan kesan dari menerimapakai Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan 1980), bagi amalan perakaunan di Badan-badan Berkanun berhubung dengan perkara-perkara berikut:

- (i) sebagai unit pelaporan (*reporting unit*)
- (ii) hasil yang belum dipungut
- (iii) pelaporan aset tetap
- (iv) hutang yang belum dibayar
- (v) faedah bank yang telah matang

[10 markah]

Soalan 4 (17 markah)

- (a) Undang-undang Kecil (Kewangan dan Akaun) Kerajaan Tempatan memperincikan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 berhubung dengan pentadbiran kewangan dan perakaunan penguasa tempatan. Anda diminta memberi penjelasan terhadap setiap kenyataan atau kes berikut:

- (i) Perakaunan Majlis hendaklah mengamalkan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum.

[5 markah]

- (ii) Pada 1 Januari dan 1 Julai 2002, Majlis Daerah Selayang telah mengerakkan bil-bil taksiran cukai pintu kepada semua pemilik rumah di sekitar Daerah Selayang berjumlah RM225,000 dan RM240,000 masing-masing. Sehingga 31 Disember 2002, sejumlah RM365,000 hasil cukai taksiran bagi bil-bil yang dikeluarkan pada tahun 2002 telah dapat dikutip. Sediakan urusniaga-urusniaga yang berlaku di atas mengikut tarikh yang dinyatakan dan berapakah jumlah hasil taksiran yang perlu ditunjuk di dalam Penyata Pendapatan Majlis Daerah Selayang bagi tempoh tahun 2002.

[6 markah]

- (iii) Berdasarkan kes ii) di atas, berapakah nilai cukai taksiran belum terima yang perlu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan Majlis Daerah Selayang pada 31 Disember 2002 jika baki cukai taksiran belum terima awal tahun 2002 adalah sebanyak RM150,000. Andaikan dasar peruntukan hutang rugu majlis ialah 5% dari jumlah terkumpul hasil cukai taksiran belum terima hujung tahun.

[6 markah]

Soalan 5 (15 markah)

- (a) i) Apa yang anda faham dengan istilah **akauntabiliti awam**? Jelaskan.
[3 markah]
- ii) Secara umum, akauntabiliti boleh dikategorikan kepada tiga aspek yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu; **Akauntabiliti Fiskal/Kewangan**; **Akauntabiliti Pengurusan**; dan **Akauntabiliti Program**. Huraikan ketiga-tiga kategori akauntabiliti ini.
[6 markah]
- (b) Mengapakah kerajaan Malaysia melaksanakan dasar penswastaan? Bincangkan.
[6 markah]